

SUMBER KEWANGAN UMAT SAMPINGAN

Terdapat satu sumber kewangan umat difardhukan demi pembangunan masyarakat Islam lain. Al Quran dan As Sunnah tidak menetapkan jenis harta nisab dan kadar banyak mana wajib dibayar tetapi diserahkan kepada budi bicara dan keimanan seseorang yang mendapat nikmat-nikmat yang

berlebihan daripada keperluan. Sumber-sumber ini dikenali dengan nama (العفو). Demikian juga zakat fitrah jika ditadbir dengan teliti seperti mana yang dikehendaki oleh syarak.

SUMBER ZAKAT DARI TANAH PERTANIAN

Ulamak-ulamak zakat membahagikan tanah-tanah pertanian kepada dua bahagi;-

Pertama; Tanah yang ditanam dengan tanaman yang mengeluarkan biji-bijian atau buah-buahan yang menjadi makanan asasi

(قهوة البلد) pada masa ikhtiarnya seperti tanah bendang di Malaysia (tanaman padi) tanah-tanah ini dinamakan harta-harta yang tidak mempunyai nilai pusingan perniagaan

(أموال غير متداولة)

Kedua; Tanah yang ditanam dengan tanaman yang tidak menjadi makanan asasi ataupun bukan menjadi makanan hanya dijadikan bahan-bahan keperluan hidup seperti getah-tanah pertanian ini

dinamakan harta yang mempunyai nilai pusingan perniagaan (أموال متداولة).

Pendapatan atau hasil-hasil yang didapati dari kedua jenis tanah pertanian ini adalah tertakluk kepada hukum zakat

(اوعاء الزكاة) mengikut kaedah dan kadar tertentu bagi tiap-tiap bahagian.

SUMBER ZAKAT DARI HASIL TANAH YANG BUKAN TUJUAN PERTANIAN

Ulamak –ulamak zakat berpendapat bahawa pendapatan dari tanah-tanah yang bukan tujuan pertanian salah satu sumber kewangan dan ekonomi Islam dan juga salah satu dari sumber-sumber

zakat (اوعاء الزكاة) akan menjadi satu dari sumber pembangunan masyarakat Islam.

Tanah-tanah itu ialah:-

- 1) Tanah hutan rimba yang mengeluarkan hasil lumayan jika diusahakan.
- 2) Tanah yang syaratnya kebun – kampung dan di atasnya didirikan rumah kediaman sendiri dan hasil tanaman sekelilingnya.
- 3) Tanah yang syaratnya kebun – kampung di atasnya didirikan rumah untuk disewa dan hasil disekelilingnya.
- 4) Tanah-tanah lapang untuk sewa bagi tujuan perniagaan.
- 5) Tanah-tanah lot syarat rumah kediaman untuk rancangan perumahan untuk dijual.
- 6) Tanah-tanah syarat pertanian, lot-lot, tanah hutan, tanah-tanah kosong-kosong disimpan dengan tujuan perniagaan.
- 8) Tanah-tanah yang pelbagai syarat yang disimpan dengan tujuan menjadi hak milik semata-mata
- 9) Tanah-tanah dari pelbagai syarat dijadikan tapak semaian untuk perniagaan.
- 10) Tanah-tanah didalam tanah padi, tanah rawi, tanah gambut dijadikan tempat ternakan ikan/udang